

22/08/1997

PM memancing di Norfolk

"DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memang selalu sibuk. Tetapi dalam kesibukan itu, beliau masih dapat `mencari masa' untuk memancing. Pasti ada sesuatu yang dicarinya daripada aktiviti itu.

Sukar untuk menduga apa yang tersirat di hati beliau. Apa yang mahu dicarinya daripada kegiatan rekreasi ini? Ketenangan, ilham? Cuma Dr Mahathir sahaja yang tahu jawapannya.

Mungkin pemancing juga tahu jawapannya - hanya jauhari mengenal manikam.

Selaku antara orang yang paling akrab dengan Perdana Menteri, saya sering mengikuti beliau ke mana sahaja beliau pergi. Apa yang pasti, Dr Mahathir tidak suka bermain golf. Lama sangat, katanya.

Ketika percutian dua bulan di Great Britain baru-baru ini, saya dapat melihat dengan jelas kepuasan tergambar di wajah Perdana Menteri ketika beliau memancing di Pickenham Hall Estate di Norfolk, England.

Wajahnya sentiasa riang. Air mukanya berseri-seri dan beliau begitu seronok menikmati sentapan ikan trout di empangan itu. Keriangan sama turut dilihat di wajah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir menaikkan enam ekor trout. Beberapa ekor lagi dilepaskan semula kerana belum mencapai saiz yang dibenarkan di bawah undang-undang perikanan di Britain.

Dr Siti Hasmah pula mendapat seekor trout. Mereka memancing menggunakan teknik fly-fishing.

Mungkin ramai yang menyangka Perdana Menteri bercuti untuk `makan angin'. Pada dasarnya beliau memang bercuti daripada tugas selaku Perdana Menteri, tetapi hakikatnya bukan sedemikian.

Sepanjang tempoh dua bulan, masa Dr Mahathir sentiasa diisi dengan atur cara lawatan, seminar, ceramah dan mesyuarat. Masa untuk beriadah memang tidak ada.

Jika ada masa terluang, biarpun seminit, beliau akan menulis kerana menurutnya masa adalah terlalu berharga.

Malah ketika melakukan lawatan di Pickenham Hall Estate, buku nota dan sebatang pen tidak pernah lekang dari tangan beliau. Segala yang menarik perhatian akan terus dicatat.

Inilah contoh seorang pemimpin yang wajar dicontohi oleh generasi muda kini.

Memancing bukanlah aktiviti membuang masa seperti andaian beberapa pihak. Ia adalah kegiatan sihat yang boleh melapangkan fikiran.

Memancing dapat melapangkan fikiran daripada segala bebanan. Ia juga boleh mengeratkan lagi silatullahim sesama keluarga.

Dr Siti Hasmah, yang baru pertama kali memegang joran, turut mengakui seronok terutama ketika menaikkan ikan.

Meskipun beliau tidak biasa memegang ikan hidup yang menggelepar untuk melepaskan diri daripada pautan mata kail, pengalaman pertama di Pickenham begitu menyeronokkan".

(END)